

Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

Paracetamol (250mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension
2. Bagaimana Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension
4. Cara menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension
5. Semasa menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Biowell Fasmol 250mg/5ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

Digunakan untuk melegakan demam dan sakit (seperti sakit kepala dan gigi) pada kanak-kanak.

Bagaimana Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension berfungsi

Paracetamol bertindak dengan menghalang penghasilan bahan seperti hormon yang terlibat dalam pelbagai fungsi badan seperti pengecutan dan pengenduran otot, pengembangan dan penyempitan saluran darah, kawalan tekanan darah dan tindak balas keradangan. Ia memberi kesan terhadap otak yang mengawal suhu badan).

Sebelum menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

Bila tidak boleh menggunakan

Beritahu doktor jika anda hipersensitif kepada Paracetamol.

- Sebelum mula menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

Mengandung dan menyusukan anak

Mengandung: Tidak diketahui akan memudaratkan.

Menyusu: Jumlah terlalu kecil untuk memudaratkan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Biowell Fasmol.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Paracetamol tidak boleh diambil secara serentak dengan

- Alkohol
- Cholestyramine (mengurangkan kolesterol)
- Warfarin (menghalang pembekuan darah)
- Metoclopramide atau Domperidone (merawat loya dan muntah-muntah).

Paracetamol tidak boleh diambil secara serentak dengan ubat yang bertindak pada hati.

Cara menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak 1 hingga 5 tahun: ½ hingga 1 sudu teh (2.5ml hingga 5ml)

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: 1 hingga 2 sudu teh (5ml hingga 10ml)

Dos mungkin boleh diulang setiap 4 – 6 jam apabila diperlukan (maksimum 4 dos dalam 24 jam)

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan melebihi dos yang disyorkan atau guna lebih daripada 10 hari melainkan diarahkan oleh doktor.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tanda-tanda keracunan Paracetamol adalah loya dan muntah-muntah, diikuti dengan sakit dan nyeri pada bahagian kanan abdomen di bawah tulang rusuk. Terlebih dos boleh menyebabkan kerosakan hati yang ditunjukkan melalui kekuningan pada kulit dan mata,

pendarahan gastro-usus dan jumlah gula yang rendah dalam darah.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda. Penyediaan ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan ambil mana-mana ubat lain yang mengandungi PARACETAMOL pada masa yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini perlu diguna dengan berhati-hati kepada orang yang mempunyai masalah hati dan buah pinggang.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension selalunya ringan. Loya, ketidakselesaan gastro-usus, ruam-ruam dan alergi telah berlaku.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Simptom-simptom termasuk kemerahan kulit, melepuh atau ruam-ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda yang serius. Jika reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan ubat dan rujuk bantuan perubatan dengan segera.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas

Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

Paracetamol (250mg/5ml)

menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

Tarikh kemaskini RiMUP:
27/03/2026, rev 01

Nombor siri:
NPRA (R2) 26/039

Cara penyimpanan dan pelupusan Biowell Fasmol 250mg/5ml Suspension

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
Goncang sebelum guna.
Simpan di bawah 30°C.
Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian legap berwarna merah jambu dengan perisa raspberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Paracetamol

- Bahan-bahan tidak aktif
Raspberry Flavour, Red (Carmoisine), Propyl Paraben, Sorbitol 70% - Non Crystal, Xanthan Gum, Gum Tragacanth, Methyl Paraben, Sodium Saccharin, Sucrose (Refined Sugar) & Purified Water.

- Nombor MAL

MAL

Pemegang Pendaftaran Produk

SSJ Pharma Sdn Bhd
658-D, Jalan Bukit Melaka 1/1
Taman Bukit Melaka,
Bukit Beruang, Bukit Baru,
75450 Melaka Tengah,
Melaka, Malaysia.

Pengilang:

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3,
13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.